

14/05/2000

Zahid ikrar pujuk rakan sertai parti

KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, yang dipilih semula menganggotai Majlis Tertinggi (MT) berkata, beliau akan cuba membawa balik bekas ahli Umno yang kini menyertai pembangkang.

Katanya, beliau akan memastikan bekas ahli Umno kembali menyertai parti itu secara berasur-ansur sebelum pilihan raya umum 2004, menggunakan pendekatan psikologi dan pujukan.

"Saya sering memberitahu diri saya yang saya harus mainkan peranan sebagai jambatan kepada rakan saya dalam Umno dan rakan di luar Umno.

"Saya tahu rakan saya dalam barisan pembangkang mempunyai hasrat untuk bersama kita (Umno). Tentu ada pendekatan yang sesuai seperti yang dilakukan kepada rakan yang menjadi anggota Semangat 46 dulu," katanya ketika ditemui pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Bagaimanapun, katanya, Umno perlu memperbetulkan sebarang kesilapan yang lalu bagi memastikan mereka dapat ditarik balik ke dalam parti.

Mengenai kejayaan beliau menganggotai MT selepas tersisih selama dua tahun, Zahid mengaku bahawa beliau memang menerima undi simpati, terutama selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membersihkan namanya.

Beliau yang menegaskan tidak pernah sekali pun terlintas untuk keluar Umno, walaupun menghadapi tekanan teruk selepas kejadian pada Perhimpunan Agung Umno 1998.

"Saya adalah ahli Umno pada setiap saat. Saya banyak belajar daripada pengalaman perit itu. Penyertaan saya untuk bertanding kali ini adalah atas gesaan kawan-kawan yang berkata kehadiran saya pada 2003 tidak lagi akan relevan sebab orang sudah lupa," katanya.

Zahid adalah orang yang diperalatkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk cubaan menjatuhkan Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung 1998.

Akibat daripada kejadian itu, Zahid meletak jawatan sebagai Ketua Pemuda, dan meminta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri pada perhimpunan yang sama tahun lalu.

Tahun ini, Dr Mahathir secara terbuka mendedahkan bahawa Anwar adalah orang yang menjadi dalang supaya Zahid melemparkan pelbagai tuduhan, terutama membabitkan isu kronisme dan nepotisme terhadap beliau.

"Perdana Menteri secara terbuka membersihkan nama saya dan kerana itu saya banyak menerima undi simpati daripada perwakilan," katanya yang menduduki tempat keempat dalam senarai ahli Majlis Tertinggi dengan memperoleh 1,370 undi.

(END)